

# Majukan tebing, koridor sungai

■ Kerajaan negeri digesa beri komitmen banteras pembuangan sampah secara haram

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
Putrajaya

**K**erajaan negeri digesa memberi kerjasama dalam usaha membanteras masalah pembuangan sampah secara haram di tebing dan di dalam sungai di seluruh negara.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ke-10 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, masalah pembuangan sampah secara haram semakin membimbangkan malah, ia menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai dan menyebabkan bencana banjir semakin serius.

Beliau berkata, dianggarkan 2.24 tan sampah dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ketika kerja penyelenggaraan sungai di

**FAKTA**  
Sebanyak 2.24 tan sampah dikeluarkan JPS di sungai seluruh negara setiap sebulan babit kos RM80.95 juta setahun

jalankan di seluruh negara setiap sebulan membabitkan kos RM80.95 juta setahun.

"Justeru, kami mahu kerajaan negeri meningkatkan komitmen dalam program kerjasama bersama swasta bagi memajukan tebing serta

kawasan koridor sungai untuk mengurangkan kes pencerobohan kawasan tebing sungai serta membanteras kewujudan tapak pembuangan sisa pepejal haram.

"Pendekatan (kerjasama kerajaan negeri dan swasta) itu juga berpotensi meningkatkan nilai hartanah di ka-

wasan sekitar dan memberi nilai tambah kepada kawasan persekitaran koridor sungai," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Wan Junaidi Tuan-

ku Jaafar dan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Dr James Dawos Mamit.

Sementara itu, Wan Junaidi dalam sidang media berkata, Majlis Sumber Air Negara juga akan membawa dua memorandum untuk dibentangkan kepada Jemaah

Menteri masing-masing berkaitan pengurusan sungai dan kajian semula terhadap empangan.

Beliau berkata, negara kini mempunyai 41 empangan di seluruh negara dan di antaranya berusia lebih 100 tahun, manakala empangan tertua adalah Empangan Tanah Merah, Bukit Merah di Perak.

"Kami akan mengkaji sama ada empangan berkenaan masih kukuh atau selamat untuk digunakan memandangkan ada di antaranya sudah lama beroperasi.

"Jika ia tidak selamat, pemantauan akan dilakukan sebelum satu keputusan dibuat sama ada ia boleh dibaik pulih atau dibina baru," katanya.

Katanya, kerajaan perlu memastikan empangan itu selamat bagi mengelak bencana lebih teruk berlaku.

Wan Junaidi berkata, dua nota makluman dikenal pasti untuk dimaklumkan kepada Jemaah Menteri iaitu berkaitan Pelan Keselamatan Air bagi sistem bekalan air awam.



AHMAD Zahid (kanan) bersama Dr Wan Junaidi mempengerusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara, semalam.